




TANDATANGANI ... Mayor dan Naib Canselor UMS menandatangani skrol.



PERARAKAN ... Graduan yang berarak menuju ke perkarangan DBKK iaitu tempat majlis berlangsung.

Tahap pencapaian IPT pengaruhi kemajuan Bandaraya

NST 16.10.2012 11

OLEH OLI CHONG
(olichong@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Tahap pencapaian sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mempengaruhi arus pemodenan atau kemajuan bagi sesuatu daerah atau kawasan.

Mayor Bandaraya, Datuk Abidin Mad-ingkir berkata, pelbagai pengiktirafan yang telah dicapai oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) semenjak ia ditubuhkan 14 tahun yang lalu banyak menyumbang kepada bandaraya.

"Universiti turut berperanan memberi sumbangan terhadap perkembangan dan kemajuan modal insan selain daripada memartabatkan bidang ilmu demi kemajuan bandaraya dan negara pada masa hadapan.

"Pencapaian UMS dalam pelbagai bidang serta inovasi-inovasi yang telah dilakukan juga telah mendapat perhatian daripada pel-

bagai pihak.

"Malah, UMS juga merupakan antara universiti yang terbaik di dunia terutamanya dari segi penyelidikan yang telah mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

"Di mana, kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai oleh UMS ini juga telah menaikkan imej Bandaraya Kota Kinabalu sebagai sebuah pusat gedung ilmu yang bertaraf dunia," kata Mayor.

Mayor berkata demikian ketika menyampaikan ucapan beliau di Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS di Perkarangan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) kelmarin yang disertai seramai lebih 300 orang di mana 67 daripadanya merupakan graduan yang akan menerima ijazah.

Menurut beliau, acara Perarakan Berjubah Graduan UMS yang diadakan setiap tahun bermula enam tahun yang lalu itu boleh dijadikan sebagai satu lagi produk



KETUAI PERARAKAN ... Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. Harun Abdullah bersiap sedia untuk berarak mengetuai lebih 300 peserta.

pelancongan Bandaraya dan negeri Sabah.

"Keunikan perarakan oleh para graduan UMS yang juga digelar 'Town & Gown (Bandar & Jubah)' telah diadakan sejak enam tahun yang lalu ini menarik perhatian ramai.

"Ia juga dapat menyuntik rasa bangga di kalangan masyarakat Bandaraya dengan adanya universiti tersergam megah di Bandaraya mereka. Malah, ia juga adalah gambaran simbolik penerimaan masyarakat dan keserasian warga universiti dan komuniti.

"Rasa hormat-menghormati serta menon-

jolkan mercu pembangunan sektor akademik di Bandaraya kita.

"Dengan tema 'Universiti Dan Komuniti: Keharmonian Demi Masa Depan' pada tahun ini adalah sangat bertepatan dengan aspirasi Negara untuk melahirkan masyarakat yang berdaya maju," ujar beliau lagi.

Mayor juga melahirkan rasa bangga dan teruja kerana beliau mempunyai peluang untuk mengurniakan kunci kepada 67 graduan UMS daripada pelbagai bidang kursus yang diceburi lambang simbol perkenan sebagai warga bandaraya.